

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

## HMT 223 – Morfologi Bahasa Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

### ARAHAN

Kertas ini mengandungi DUA bahagian. Jawab SEMUA soalan dari **Bahagian A** dan DUA dari **Bahagian B**.

### **Bahagian A**

Jawab SEMUA soalan.

1. DATA A di bawah ini mengandungi perkataan-perkataan dari bahasa Malaysia. Telitikan data tersebut dan tentukan **kata akar**, **kata dasar**, **kata kompleks**, **kata majmuk**, **prefiks (awalan)**, **sufiks (akhiran)**, **konfiks (apitan)**, **infiks (sisipan)**, **kategori leksikal bagi kata kompleks**, dan **alomorf**. Bagi alomorf, nyatakan rumus kejadiannya.

Muatkan jawapan anda ke dalam format jadual yang dipaparkan sebagai contoh di bawah ini.

#### DATA A

[i] kehijau-hijauan	[v] penyekolahan	[ix] pengotoran
[ii] keseimbangan	[vi] keberhasilan	[x] keterlibatan
[iii] menyebarkan	[vii] penggalian	[xi] pembabitan
[iv] penakut	[viii] pendepanan	[xii] penghantaran
		[xiii] selerak

Format jadual untuk soalan 1.

Perkataan	Infiks	Konfiks	Prefiks	Sufiks	Kata Akar	Kata Dasar	Kata Majmuk	Kata Kompleks dan kategori leksikalnya	Alomorf dan lingkungan kejadiannya

[85 markah]

...2/-

2. Dengan menggunakan maklumat dalam DATA B, huraikan konsep **leksem** dan '**bentuk-kata**' dalam bidang morfologi.

DATA B

Bahasa Malaysia

- [i] baca
- [ii] pembaca
- [iii] bacaan
- [iv] masin
- [v] termasin
- [vi] terdalam
- [vii] dalam

Bahasa Inggeris

- [viii] paper
- [ix] papers
- [x] break
- [xi] breaks
- [xii] breaking
- [xiii] short
- [xiv] shorter

[15 markah]

3. Jawab soalan [a]-[d] berdasarkan DATA C di bawah ini. Muatkan jawapan anda ke dalam format jadual yang dipaparkan sebagai contoh di muka surat 3.

DATA C

Bahasa Malaysia

- [i] kemiskinan
- [ii] terkaya
- [iii] bacakan
- [iv] terjatuh
- [v] pemetik
- [vi] terusan
- [vii] penjahit
- [viii] tulisan

Bahasa Inggeris

- [ix] waiter
- [x] singing
- [xi] nicer
- [xii] larger
- [xiii] painter
- [xiv] ordered
- [xv] farmers
- [xvi] hammer

- [a] Asing-asingkan perkataan dalam data di atas kepada **kata akar**, **morfem terikat**, **kata kompleks/kata terbitan** (jika ada).

[20 markah]

- [b] Nyatakan **kategori leksikal** bagi setiap **kata akar** dan **kata kompleks/kata terbitan** yang terdapat dalam data di atas.

[20 markah]

- [c] Bagi morfem terikat, tentukan **jenis** dan **bentuknya** dari segi **kedudukan** dan dari segi **fungsi**.

[10 markah]

- [d] Bagi **morfem terikat** yang **jenisnya didasarkan kepada fungsi**, beri **justifikasi** terhadap pilihan anda, dan nyatakan **maksud** yang dibawa oleh morfem terikat berkenaan.

[20 markah]

...3/-

Format jadual untuk soalan 3.

Kata akar dan Kategori L	Kata kompleks dan Kategori L	Morfem terikat dari segi kedudukan (jenis dan bentuknya)	Morfem terikat dari segi fungsi	Catatan: Justifikasi dan Maksud

4. Soalan [a]-[c] adalah berdasarkan DATA D di bawah ini.

DATA D

- [i] Bajunya sudah dicuci.
- [ii] Tingginya bangunan itu ialah 60 kaki.
- [iii] Karyanya tidak dapat difahami oleh golongan bawahan.
- [iv] Tebalnya dinding bangunan itu tidak memenuhi spesifikasi yang telah diluluskan.
- [v] Dia mengambil baldi itu lalu mengisikannya dengan air.
- [vi] Kobis yang dibelinya kelmarin sudah busuk.

- [a] Huraikan **konsep-konsep** yang diungkap oleh enklitik **-nya** dalam data di atas.

[10 markah]

- [b] Bandingkan dengan jelas enklitik **-nya** dalam [i] dan [iii] di satu pihak dengan enklitik **-nya** dalam [ii] dan [iv] di satu pihak yang lain.

[10 markah]

- [c] Tentukan **kategori leksikal** bagi kata dalam [ii] dan [iv]. Berikan justifikasi terhadap jawapan anda.

[10 markah]

**Bahagian B**

Jawab DUA sahaja.

5. Yang berikut ini dipaparkan data yang diambil dari pelbagai bahasa.

DATA E daripada bahasa Malaysia

<u>Kata akar</u>	<u>Kata terbitan</u>
[i] guruh	gemuruh
[ii] serbak	semerbak
[iii] ketot	kemetot

DATA F daripada bahasa Oaxaca Chontal (Sumber: Jensen, 1995)

<u>Kata Akar</u>	<u>Maksud</u>	<u>Kata terbitan</u>	<u>Maksud</u>
[i] cece	'tupai'	celce	'tupai-tupai'
[ii] tuwa	'orang asing'	tulwa	'orang-orang asing'
[iii] meko?	'sudu'	melko?	'sudu-sudu'
[iv] kwepo?	'cicak'	kwelpo?	'cicak-cicak'

DATA G daripada bahasa Chamorrow yang dituturkan di Guam dan Kepulauan Mariana (Sumber: O'Grady & Archibald, 2000)

<u>Kata Akar</u>	<u>Maksud</u>	<u>Kata terbitan</u>	<u>Maksud</u>
[i] nalang	'lapar'	nalalang	'sangat lapar'
[ii] dankolo	'besar'	dankololo	'sangat besar'
[iii] metgot	'kuat'	metgogot	'sangat kuat'
[iv] bunita	'cantik'	bunitata	'sangat cantik'

Berdasarkan data di atas, **nyatakan dan huraikan proses morfologi** yang dapat anda kenal pasti untuk menghasilkan kata terbitan dalam bahasa-bahasa berkenaan.

(Nota penting: Dalam huraian anda perlu dimasukkan aspek-aspek seperti kategori leksikal bagi kata akar dan kata terbitan, dan morfem terikat yang terbabit dari segi bentuk, jenis, kedudukan dan fungsinya.)

[100 markah]

6. Dengan merujuk kepada maklumat dalam DATA H, I, J, dan K, jawab soalan [a] DAN [b].

<u>DATA H</u>	<u>DATA I</u>	<u>DATA J</u>	<u>DATA K</u>
[i] panas terik	[i] besar kepala	[i] rumah sakit	[i] merah jambu
[ii] miskin kaya	[ii] terang hati	[ii] bandar raya	[ii] kuning langsung
[iii] riang gembira	[iii] ringan tulang	[iii] warganegara	[iii] hijau daun

- [a] **Satu** daripada data yang diberikan di atas **tidak** dianggap sebagai kata majmuk. Tentukan status rangkaian kata dalam data tersebut dan berikan justifikasinya. [30 markah]
- [b] Huraikan **binaan dan ciri-ciri kata majmuk** dalam bahasa Malaysia. (Nota penting: Pastikan anda mengambil kira aspek-aspek seperti kategori leksikal, endosentrik, eksosentrik, kepala/kata inti, penerang dll. dalam huraian anda.) [70 markah]

7. Telitikan **binaan kata adjektif terbitan** seperti yang dipaparkan dalam data yang berikut ini. Soalan [a]-[d] adalah berdasarkan data tersebut.

DATA L

[i] pandai-pandai	[x] kemerah-merahan
[ii] kearab-araban	[xi] gilang-gemilang
[iii] kemanja-manjaan	[xii] terendah
[iv] terpandai	[xiii] terpanjang
[v] biru laut	[xiv] gelap gelita
[vi] sepandai-pandai	
[vii] bising-bising	
[viii] setinggi-tinggi	
[ix] sepandai	

- [a] Huraikan **proses-proses morfologi** yang terlibat dalam menerbitkan kata adjektif terbitan dalam bahasa Malaysia seperti yang terdapat dalam data di atas. [60 markah]
- [b] Sesetengah imbuhan dalam kata adjektif terbitan dalam data di atas mempunyai alomorf. Nyatakan imbuhan tersebut dan alomorfnya. Terangkan kemunculan alomorf tersebut. [20 markah]
- [c] Adakah awalan *ter-* dalam morfem **terpijak** dan **terdaki** mendukung maksud yang sama dengan awalan *ter-* seperti yang terdapat dalam data di atas? Mengapa? [20 markah]